



جباان حال احوال اظام اسلام نكري سابه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

Tingkat 3, 9 & 10, Blok A, Wisma MUIS,

Beg Berkunci 103, 88737 Kota Kinabalu

Tel.: 088-522222

Faks: 088-239415



Bil.:

BIL.JHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (74)
12 JANUARI 2021 / 28 JAMADILAWAL 1442H

Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah
Semua Pengerusi Masjid / Surau

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh

Tuan/Puan,

AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 13 JANUARI 2021 HINGGA 26 JANUARI 2021

Dengan hormatnya saya merujuk Keputusan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah bil. no. Ruj.: JKM(S). 100-15/205 bertarikh 12 Januari 2021 dan Kenyataan Mufti Negeri Sabah Bil. PMNS:600-4/1 Jilid 10 bertarikh 12 Januari 2021M/28 Jamadilawal 1442H berhubung dengan perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, **Jabatan ini** bersetuju mengambil ketetapan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di masjid dan surau di seluruh negeri Sabah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa pada 13 Januari 2021M / 29 Jamadilawal 1442H seperti berikut:-

- 2.1 Aktiviti di masjid dan surau yang dibenarkan adalah solat berjemaah lima waktu bermula pada 13 Januari 2021/29 Jamadilawal 1442H hingga 26 Januari 2021/ 13 Jamadilakhir 1442H kepada masjid dan surau di semua zon negeri Sabah. Manakala solat Jumaat belum dibenarkan dalam tempoh yang tersebut;
- 2.2 Aktiviti solat Jumaat di masjid dan surau tidak dibenarkan dalam tempoh yang tersebut. Ahli Kariah wajib melaksanakan solat fardhu zohor bagi menggantikan solat Jumaat di rumah atau kediaman masing-masing;
- 2.3 Bilangan jemaah solat lima waktu di masjid dan surau yang dibenarkan ialah 5 orang sahaja daripada Ahli Jawatankuasa masjid dan surau;
- 2.4 Aktiviti di masjid dan surau selain solat berjemaah seperti kuliah lepas Magribh, Isya, Subuh, Dhuha, Kelas Tafaquh, Mesyuarat Agung Tahunan, Majlis Akad Nikah dan seumpama dengannya adalah tidak dibenarkan dalam tempoh tarikh yang dikuatkuasakan;
- 2.5 Semua masjid dan surau yang berkenaan hendaklah melaksanakan semua garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa dan yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib; dan

....2/


AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19 BERKUATKUASA PADA 13 JANUARI 2021 HINGGA 26 JANUARI 2021 BIL.JHEAINS:BPWD:100-4 KLT 12 (74) 12 JANUARI 2021 / 28 JAMADILAWAL 1442H

2.6 Surat Edaran JHEAINS yang lalu terbatal dengan ketetapan baharu ini.

3. Sehubungan dengan ini, mohon tuan/puan untuk menyelaras pematuhan keputusan tersebut. Kepada Allah SWT jua kita berserah.

Sekian dan harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



.....
(DATUK HAJI SAIFULZAMAN BIN SANGUL)
PENGARAH
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

s.k:

1. YB. Datuk Haji Mohd. Arifin bin Mohd. Arif
Menteri Tugas-Tugas Khas
Pejabat Menteri Tugas-tugas Khas
Tingkat 29, Blok A
Bangunan Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
88400 LIKAS, KOTA KINABALU
2. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
3. YBhg Datuk Seri Panglima Yang Di-Pertua MUIS
Tkt 5, Blok A, Wisma MUIS
Peti Surat No. 11666
88818, KOTA KINABALU
4. Sohibus Samahah Datuk Mufti
Kerajaan Negeri Sabah,
Tkt 21, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
5. YBhg Pengarah Keselamatan Negeri
Majlis keselamatan Negeri, Negeri Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 5, Blok B ,Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
88400 KOTA KINABALU, SABAH

“SABAH MAJU JAYA”